

## Warisan Kain Punca Potong

Muhamad Azwan Rosli  
Nurul Ain Saqinah Mahmud  
Irwan Kamaruddin Abdul Kadir  
Alwi Mohd Yunus

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### Abstrak

*Tujuan kajian dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang warisan kain punca potong agar maklumat yang diterima adalah maklumat yang sahih dan tidak lari dari keasliannya. Kajian in adalah hasil daripada temubual bersama Profesor Doktor Norwani Binti Md Nawawi berkaitan warisan kain punca potong. Kain punca potong adalah pakaian rakyat kelantan sejak dari abad yang ke 20 lagi. Aktiviti menenun kain adalah salah satu perkerjaaan utama rakyat kelantan pada zaman dahulu. Rakyat kelantan pada zaman dahulu, selain daripada bertani dan berniaga, menenun juga menjadi salah satu punca pekerjaan mereka . Kepakaran menenun telah diwarisi dari generasi lama ke generasi seterusnya. Kain punca potong diberi nama kerana ia kain yang bersifat di mana kedua-dua hujungnya dari kiri dan kanan tidak bersambung ataupun bercantum. Nama lain bagi kain ini diberi nama seperti 'sayap pekaka' dan 'panjang tujuh'. Kain punca potong pada mulanya ditenun dengan tenunan biasa seterusnya dengan tenunan bercorak dan tenunan berwarna. Kain punca potong yang diperbuat menggunakan kapas ialah sejenis kain punca potong biasa yang digunakan oleh rakyat biasa dan yang diperbuat daripada sutera hanya boleh dipakai oleh golongan kerabat diraja sahaja. Itu membezakan darjat antara rakyat biasa dengan golongan kerabat diraja. Teknik tenunan untuk menghasilkan kain punca potong ialah melalui penggunaan benang loseng dan pakan yang disusun mengikut warna-warna yang dikehendaki. Menyusun benang loseng dan pakan ini secara rapi akan menjadikan corak berbentuk kotak persegi atau persegi panjang, garis lurus dan melintang.*

**Kata kunci:** kain punca potong, kelantan, warisan, benang, rakyat, raja, tenunan, corak.

## **Pengenalan**

Umumnya ramai yang mengetahui negeri kelantan mempunyai banyak warisan warisan yang belum dan sudah diterokai. Warisan terjadi oleh kerana cara hidup masyarakat yang mempunyai adat tersendiri mengikut persekitaran dan kawasan. Warisan yang adalah berasal daripada apa yang moyang moyang kita terdahulu telah lakukan dan menjadi warisan turun temurun kepada generasi baru sebagai penerus.

Antara warisan yang ada di negeri kelantan dan yang masih bergiat aktif di usahakan oleh masyarakat setempat ialah warisan tenunan kain. Menenun kain adalah satu kepakaran yang tidak asing lagi oleh rakyat negeri kelantan terutamanya golongan wanita. Selain melakukan aktiviti seperti meniaga, bertani dan selainya, mereka aktif dalam menjalankan aktiviti menenun. Ini dapat dibuktikan dengan terbinanya banyak kilang memproses kain tenun seperti kain songgket.

## **Asal usul kain punca potong**

Sejak dari zaman pra sejarah sehingga ke era moden, terdapat pelbagai rupa bentuk tekstil dan pakaian atau lebih dikenali sebagai persalinan Melayu yang telah digunakan seiring dengan oleh rakyat pada zaman dahulu. Kain punca potong bermula dengan sekeping kain yang sangat ringkas dan diteruskan dengan rupa bentuk yang merumitkan untuk dibuat.

Rupa bentuk kain ini menggambarkan gaya kehidupan, persekitaran dan adat masyarakat Melayu terdahulu yang penuh dengan keunikan. Tekstil merupakan salah satu benda yang penting dalam memastikan proses kehidupan manusia lebih produktif dan sejahtera.

Kita tidak menafikan bahawa pakaian atau persalinan itu memberikan impak yang penting, misalnya dalam upacara tertentu seperti hari perkahwinan yang memerlukan satu bentuk pakaian yang tersendiri yang mana tidak dipakai di hari kebiasaan.

Jadi kain punca potong dilihat sebagai mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Kain punca potong ialah kain yang bersifat tidak berjahit di mana kedua-dua hujungnya dari kiri dan kanan

tidak bersambung ataupun bercantum. Nama lain bagi kain ini diberi nama seperti 'sayap pekaka' dan 'panjang tujuh'.

Kain punca potong pada mulanya ditenun dengan tenunan biasa seterusnya dengan tenunan bercorak dan tenunan berwarna. Benang pakan dan benang loseng ditenun secara berselang seli menggunakan alat tenun sehingga menjadi sehelai kain.

Menurut Teuku Iskandar (1984), punca atau hujung atau sudut kain dan juga kain lepas bergantung. Potong pula memberi makna sehelai kain yang mempunyai hujung atau punca yang lepas bergantung kerana telah dipotong atau dikerat.

Menurut Zaidi-Saidi Ibrahim (1982), pakaian yang dipakai oleh penduduk Kelantan sebelum abad ke-20 ialah sejenis kain yang tidak berjahit yang dikenali sebagai kain punca potong. Oleh hal yang demikian, dengan sifatnya itu ia adalah berbeza dari kain sarung yang bersambung di kedua-dua puncanya. Kain punca potong mempunyai beberapa jenis iaitu kain limar, kain pelangi, kain cindai, kain punca potong bercorak dan sebagainya.

### **Maksud Tenun**

Tenunan adalah daripada hasil proses jalinan antara benang loseng iaitu (benang yang menunggu) dan benang pakan iaitu (benang yang mendatang) secara berselang seli sehingga ia menjadi sehelai kain yang boleh digunakan.

Aktiviti menenun kain adalah salah satu perkerajaan utama rakyat kelantan pada zaman dahulu. Kepakaran menenun telah diwarisi dari generasi lama ke generasi seterusnya. Tenunan untuk menghasilkan sehelai kain punca potong ialah melalui penggunaan benang loseng dan pakan yang disusun mengikut warna-warna yang dikehendaki sehingga ia menimbulkan corak yang dikehendaki. Kain punca potong pada mulanya ditenun dengan tenunan biasa seterusnya dengan tenunan bercorak dan tenunan berwarna.

### **Teknik tenunan**

Pada asalnya kain punca potong ini tenenun dengan tenunan biasa, seterusnya ditenun dengan tenunan yang bercorak dan tenunan berwarna. Ia

ditenun menggunakan benang kapas untuk tenunan yang biasa. Kebiasaannya kain punca potong yang diperbuat daripada kapas dipakai oleh rakyat biasa manakala yang ditunen menggunakan daripada benang sutera hanya dipakai oleh golongan kerabat diraja.

Tenunan biasa merupakan jenis tenunan awal di wilayah budaya Melayu pesisir. Tenunan biasa dari kapas dipercayai merupakan tenunan pertama yang wujud di Kelantan (Siti Zainon Ismail, 1983). Oleh kerana tenunan biasa merupakan tenunan awal, maka corak yang dihasilkan adalah sederhana sahaja.

Tenunan untuk menghasilkan sehelai kain punca potong ialah secara penyusunan benang pakan dan benang loseng mengikut warna warna yang dikehendaki. Proses penyusunan dipanggil Mengani. Dengan penyusunan benang pakan dan benang loseng akan menimbulkan corak corak kotak persegi, persegi panjang dan garis lurus dan menegak

Untuk kain punca potong yang kainnya lebih tebal, ia ditunen menggunakan benang pakan dua helai dan benang loseng satu helai dan bagi kain punca potong yang biasa ia ditunen menggunakan benang loseng dan benang pakan adalah sehelai sahaja.

### **Reka bentuk**

Kain punca potong ialah sejenis kain yang tidak berjahit, ini menyebabkan ia berbeza dengan kain sarung. Kedua dua hujungnya dari kiri dan kanan tidak bersambung. Bentuk asas kain punca potong, ialah empat persegi bujur dan empat persegi panjang. Kain punca potong berukuran 152 cm (sentimeter) kepada 300 cm (sentimeter) dan lebarnya kebiasaannya 106 cm (sentimeter).

Bahagian badan kain ialah bahagian yang paling besar yang terdapat pada kain punca potong. Kain punca potong mempunyai punca atau hujung kain. Punca ataupun hujung dari kiri dan kanan kain punca potong mempunyai corak yang hampir sama.

Punca atau hujung yang terdapat pada kain punca potong ada perbezaan yang ketara dengan badan kain kerana ia dibuat dengan corak garis melintang sahaja. Bahagian badan kain yang terdapat pada kain punca potong terdiri daripada corak berpetak atau juga dipanggil corak ragi.

### Corak dan motif



*Rajah 1: Gambar kain punca potong (sumber diambil daripada Profesor Doktor Norwani)*

enurut Kamus Dewan, corak ialah rasi pada kain ataupun corak yang berpetak-petak empat segi seperti corak tapak catur. Menurut Siti Zainon Ismail (1986), corak juga dikatakan bersifat geometri, terutamanya apabila warna-warna yang digunakan mewujudkan ruang-ruang berkotak atau beragi.

Kain punca potong yang bercorak terjadi daripada proses menjalinkan benang secara melintang dan menegak. Proses menjalinkan benang itu secara berselang seli menimbulkan corak corak pada kain punca potong. Teknik tenunan untuk menghasilkan punca potong ialah melalui penggunaan benang loseng dan pakan yang disusun mengikut warna-warna yang dikehendaki. Menyusun benang loseng dan pakan ini secara rapi akan menjadikan corak berbentuk kotak persegi atau persegi panjang, garis lurus dan melintang.

Motif yang terdapat pada kain punca potong ialah seperti motif Unduk unduk laut ataupun kuda laut yang berbentuk 'S'. Motif berasaskan buahan seperti buah biji peria, biji yang kecil kecil juga terdapat pada kain punca potong. Ia semua sekali dipanggil sayap pekaka disebabkan terdapat warna yang berwarna-warni dalam tenunan kain tersebut.

Motif-motif yang lain yang ada pada kain punca potong ini salah satunya ialah motif pucuk rebung. Motif pucuk rebung pada kain punca potong ini susunan dia ada pelbagai. Ada yang pucuk rebung tunjuk langit dimana pucuk rebung itu tiada motif-motif lain, di pucuk rebung yang lain dibahagian atas dia tuju pada tunjuk langit jadi disitu mungkin ada beberapa motif-motif kecil di atas pucuk rebung tunjuk langit ini dan keduanya ialah pucuk rebung kendong ia bermakna bahagian pada tepi punca potong itu terdapat dua motif pucuk rebung. Dua pucuk rebung yang ada dari ke kiri dan ke kanan ialah tidak disambung dan mempunyai motif yang berlainan dipanggil, ia dipanggil kain pucuk rebung kendong.

## Warna

Warna berfungsi untuk mencerahkan dan menerangkan lagi sesuatu benda supaya ia kelihatan lebih jelas. Warna sangat memainkan peranan penting pada kain punca potong kerana dengan adanya warna ia boleh menerangkan lagi corak corak yang ada pada kain punca potong secara lebih jelas.

Kain punca potong pada kebiasaan, puncunya berwarna merah dan pada latar belakang kain juga berwarna merah manakala bahagian badan kain pula berwarna hitam, hijau ataupun biru. Tetapi warna hijau ataupun biru susah nak didapati pada zaman dahulu, kebiasaannya ialah warna hitam ke merah gelap sahaja.

Benang mesti dicelup perwarna terlebih dahulu sebelum menjalankan proses tenunan secara berselang seli untuk menimbulkan corak yang berwarna seperti corak kotak persegi atau persegi panjang, garis lurus dan melintang pada kain sebelum ia siap menjadi sehelai kain punca potong.

Pada zaman dahulu warna-warna yang digunakan terdiri daripada daun, akar, bunga, biji, kulit pokok dan lain-lain bahagian lagi (W.W. Skeat, 1902). Warna-warna yang biasa didapati adalah warna yang terang seperti biru, hijau serindik, merah jambu, merah cerah dan kuning kunyit.

Warna-warna yang diperolehi seperti merah dari buah kesuma, biji celagi (asam jawa), merah tua cerah dari getah pohon mala yang dicampur dengan kampur dan kunyit, biru dari biji terung, kuning dari kunyit sawa, hijau campuran daun terung dengan kunyit (Siti Zainon Ismail, 1986).

Selain daripada itu, buah belimbing, buah pinang, daun mengkudu dan asam gelugur adalah antara bahan yang turut digunakan (W.W Skeat, 1902). Melalui campuran bahan-bahan alam tersebut orang-orang Melayu Kelantan telah dapat menghasilkan warna-warna seperti yang dikehendaki.

Pada zaman dahulu pewarna diambil dari bahan semula jadi seperti dari daun pokok, dari buah buahan, akar pokok dan ada juga pewarna yang digunakan untuk mencelup benang pada kain punca potong di import dari negara India dan China.

Setelah berabad menggunakan pewarna yang boleh didapati dari bahan alam semulajadi seperti dari daun daun, akar, buah buahan, penggunaan pewarna pada kain punca potong telah berubah mengikut peredaran zaman. Pada zaman sekarang benang kain punca potong telah diwarnakan dengan bahan pewarna berkimia. Pewarna berkimia boleh didapati di dalam dan luar negara.

### **Bahan bahan dan peralatan**

Peralatan untuk membuat kain tenun memerlukan banyak alatan tenun seperti alat tenun kei. Alat tenun kei ialah alat tenun Melayu. Kalau di kelantan kita mempunyai dua peralatan menenun iaitu alat tenun kei dan satu lagi alat tenun Siam. Peralatan untuk menenun termasuklah seperti rahat, darwin, torak, lidi lidi dan sebagainya yang digunakan untuk menenun sehingga menjadi sehelai kain punca potong.

Bahan bahan untuk membuat sehelai kain punca potong diambil atau dibeli daripada luar negara seperti benang sutera. Benang sutera di import dari negara China manakala kapas di import dari negara India kerana di Malaysia tiada yang menanam sendiri bahan bahan tersebut dan proses penghantaran bahan tersebut melalui kapal pada zaman dahulu.

Pada zaman dahulu sebelum membuat sehelai kain punca potong, ia perlu dicelup pewarna dahulu pada bahagian kiri dan kanan kain iaitu pada bahagian punca ataupun hujungnya. Pada kebiasaannya punca dicelup dengan pewarna bewarna merah dan selebihnya di bahagian badan akan celup warna lain seperti hijau, biru ataupun hitam pada kebiasaannya.

Untuk membuat sehelai kain tenun seperti kain punca potong ia mesti didahului dengan mencelup benang dengan pewarna mengikut warna yang dikehendaki sebelum memasukan benang tersebut ke dalam alat tenun kei. Seterusnya memasukan benang loseng ke dalam alat tenun sebagai benang yang ada di dalam alat tenun dan perlu menyediakan benang pakan untuk untuk ditenun, benang pakan ditenun dari kiri ke kanan menggunakan alat tenun dua shaft ataupun alat tenun dua aci untuk membuat tenunan yang biasa.

### Cara memakai dan fungsinya



*Rajah 2: Gambar pesilat memakai kain punca potong (sumber diambil daripada Profesor Doktor Norwani)*

Kain punca potong merupakan pakaian biasa yang dipakai oleh rakyat Kelantan pada zaman dahulu sejak dari abad yang ke 20 lagi. Berdasarkan dari pangkat ataupun kedudukan orang pada zaman dahulu didapati kain punca potong yang dipakai oleh golongan rakyat biasa dan bangsawan ataupun kerabat diraja adalah berbeza dari segi kain.

Golongan bangsawan ataupun kerabat diraja memakai kain punca potong yang diperbuat daripada sutera, manakala golongan rakyat biasa memakai kain punca potong yang dibuat dari kapas. Kain punca potong menjadi satu persalinan atau pakaian seharian mereka tidak kira sama ada di hari biasa ataupun hari hari yang tertentu.



Di hari tertentu untuk mereka yang mempunyai pangkat atau darjat, mereka memakai kain punca potong yang bercorak dan bukan kain punca potong tenunan biasa. Bagi lelaki, kain ini dipakai sebagai pakaian yang membaluti sebahagian dari tubuh mereka.

Ia dipakai dengan cara melilitnya di sekeliling pinggang dan diperkemas dengan memulasnya. Golongan lelaki memakai kain tersebut dengan melilit pada bahagian pinggang hingga ke bawah lutut ia dipanggil ikat pinggang atau sampin. Ada yang menggunakan kain punca potong untuk pergi berkerja seperti pergi ke sawah tetapi kain itu diperbuat daripada kapas dan tenunan biasa.

Kain ini juga dijadikan kain kesat peluh ketika melakukan kerja berat. Ada juga pahlawan ataupun pendekar pada zaman dahulu memakai kain ini untuk pergi berperang yang mana menggunakan kain punca potong yang mempunyai ayat ayat suci Al-Quran.

Kain punca potong juga digunakan untuk menutup keranda jikalau ada kematian pada zaman dahulu. Golongan perempuan menggunakan kain ini dengan dililitkan dipinggang hingga ke buku lali, membuat penutup kepala ataupun selendang, dan meletakkan kain ini di bahagian bahu, kain kembangan untuk menutup dada.

## **Kesimpulan**

Warisan kain punca potong menunjukkan ilmu kepakaran masyarakat dahulu dalam bidang pembuatan kain dan mencorak kain. Warisan kain punca potong patut diberikan perhatian oleh masyarakat kerana ia adalah kebijaksanaan orang terdahulu yang patut kita banggakan. Mungkin kita menganggap kain punca potong adalah sesuatu yang biasa, tetapi jika dilihat lebih mendalam setiap corak dan pelbagai variasi warna kain yang digunakan untuk menghasilkan kain punca potong mempunyai maksud dan nilai yang tersendiri yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat dahulu.

Warisan kain punca potong seharusnya diangkat semula agar generasi akan datang mengenali apa sebenarnya kain punca potong. Jika dilihat oleh kehalusan corak dan rupa bentuk kain punca potong, ia boleh diadaptasi menjadi pakaian di masa kini terutama di majlis persandingan dan persembahan teater. Namun, apa yang kita kesali ialah pembuatan kain punca potong sudah lama pupus kerana tiada

penyambung daripada orang terdahulu sehingga ia menjadi pupus tenggelam dek arus kemodenan.

### Rujukan

- Skeat, W.W., July 1902. "Silk and Cotton Dyeing By Malays", *JMBRASS*, Vol. 38. Bil. 102.
- Siti Zainon Ismail, 1986. *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail, 1989. *Percikan Seni*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Siti Zainon Ismail, 1990. "Tekstil Melayu; Sejarah Fungsi, Simbol dan Keindahan". Dalam Tanpa Pengarang, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 18, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Teuku Iskandar. (1984). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkinson, R. J., 1978. *A Malay-English Dictionary*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaidi-Saidi Ibrahim, 1982. "Aspek-aspek Budaya Ekonomi Masyarakat Kelantan Sebelum 1909", dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Profesor Doktor Norwani, (2018 November 15) Temubual.